

BAB LIMA

RUMUSAN DAN PENUTUP

5.1 PENDAHULUAN

Daripada hasil penilaian yang telah dibuat, maka bab kelima ini akan membentangkan segala rumusan dan kesimpulan yang diperolehi oleh pengkaji bagi menyempurnakan peringkat akhir penulisan disertasi. Pada peringkat ini juga pengkaji ingin memberi beberapa cadangan yang boleh dipertimbangkan oleh institusi-institusi yang menguruskan zakat secara langsung atau tidak langsung, tentang hal-hal yang berbangkit daripada tajuk kajian. Kajian ini juga dilakukan bagi memberi penjelasan hukum dan meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap isu emas perhiasan berdasarkan polemik '*urf*', sebagai punca perbezaan bagi mencari penyelesaian untuk menangani masalah ini secara ilmiah, efektif dan menyeluruh melibatkan pihak berkuasa agama terbabit. Persoalan ini perlu diperbahaskan secara terbuka menggunakan landasan ilmu, matang dan rasional. Mendokong atau mengkritik sesuatu tanpa alasan yang munasabah dan bersifat ilmiah boleh mengundang pelbagai perkara negatif yang menjurus kepada perpecahan. Oleh itu, semua pihak yang terlibat harus menerima dengan fikiran yang terbuka dan berlapang dada dalam menghadapi isu ini. Cadangan dan komen yang dikemukakan adalah bersifat umum dan tulus demi memantapkan sistem pentadbiran dan pengurusan zakat khususnya yang berkaitan dengan skop kajian.

Pada dasarnya, peranan yang dimainkan oleh pihak-pihak berwajib bagi memperkasakan institusi-institusi zakat di Malaysia amat jelas kelihatan di dalam urusan pengendalian zakat secara menyeluruh. Namun, terdapat juga ruang yang perlu diberikan perhatian dan diperkemas bagi tujuan meminimalkan jurang perbezaan yang wujud pada masa kini. Penambahbaikan ini selaras dengan kehendak syariah dalam usaha untuk membantu meningkatkan ilmu pengetahuan dan mencapai segala objektif sosio-ekonomi umat Islam di Malaysia jua.

5.2 RUMUSAN

Kajian ini adalah untuk mengenal pasti konsep sebenar kaedah penentuan 'urf bagi emas perhiasan yang diguna-pakai oleh LZS (MAIS) dan PZM, sebagai mekanisme amalan pengurusan mereka dalam menetapkan hukum wajib zakat. Justeru sebelum itu perlu diingatkan bahawa harta yang dicari dan diusahakan oleh manusia, kemudian diperolehi dan dimiliki, setelah itu digunakan dan disimpan adalah bukan hak milik kekal manusia, sebaliknya ia adalah hak mutlak Allah SWT yang diberikan kepada manusia sebagai pinjaman dan pentadbir bagi menguruskan harta tersebut sebaik mungkin dengan penuh amanah mengikut peraturan dan panduan yang ditetapkan olehNya. Allah SWT berfirman:

وَاللَّهُ فَضَّلَ بَعْضَكُمْ عَلَى بَعْضٍ فِي الرِّزْقِ فَمَا الَّذِينَ فُضِّلُوا بِرَأْيِ رِزْقِهِمْ عَلَى مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُمْ فَهُمْ فِيهِ سَوَاءٌ أَفَبِنِعْمَةِ اللَّهِ يَجْحَدُونَ ﴿٧١﴾

“Dan Allah melebihkan setengah kamu dari yang lain, tetapi orang yang diberi kelebihan itu tidak mahu mengembalikan rezekinya itu kepada orang yang menjadi kekuasaan tangan kanannya, agar mereka menjadi sama. Apakah nikmat Allah itu yang mereka ingkari.”

Surah al-Nahl (16) : 71

Menurut Abdullah @ Alwa Hassan, Syariah ialah satu sistem undang-undang yang terbentuk daripada beberapa perintah Allah SWT yang bersifat peraturan-peraturan tentang etika keagamaan dan dikembangkan ke dalam satu bentuk perundangan yang lengkap. Undang-undang tersebut dimajukan dan dikembangkan oleh fuqaha (pakar-pakar perundangan/Jurists) dan telah membentuk satu sistem perundangan, dan kemudiannya bersifat fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti yang dilantik oleh pemerintah. Semua fatwa hanya dan sah untuk dikuatkuasakan bergantung kepada sejauh mana authoriti perundangan yang dimiliki oleh seorang seseorang Mufti. Kebiasaannya, seorang Mufti bertauliah dan memegang jawatan secara rasmi sahaja berauthoriti perundangan, namun menurut pengamalan di Malaysia, hanya fatwa yang diwartakan sahaja yang boleh mengikat.⁵⁵⁵

⁵⁵⁵ Abdullah @ Alwi Hassan (2005), *Ijtihad dan Peranannya Dalam Pengharmonian Pengamalan Undang-Undang Syariah Di Dunia Islam Masa Kini*, Jurnal syariah. UIAM. h. 3-4.

Bertitik tolak dari kajian ini, walaupun di dalam mazhab al-Imam al-Syafi'i dilaporkan tidak meletakkan 'urf sebagai salah satu sumber hukum yang utama,⁵⁵⁶ namun kepentingan 'urf sebagai sandaran hukum terhadap perkara-perkara tertentu di dalam mazhab tersebut tidak boleh dinafikan lagi dengan penerimaan ilmu qawa'id fihiyyah dan usul al-fiqh di dalam mazhab tersebut dan mazhab-mazhab yang lain juga.⁵⁵⁷ Tanpa ilmu tersebut, tidak mungkin semua persoalan berkaitan permasalahan furu' dalam ilmu fiqh dapat diselesaikan dengan jelas dan lebih mudah. Apatah lagi permasalahan fiqh pada masa kini kian bertambah dalam

⁵⁵⁶Sumber syarak yang utama di sisi al-Syafi'i sepertimana yang dibahaskan sebelum ini ialah al-Quran, al-Hadith, al-Ijma' dan al-Qiyas sepertimana yang disebutkan oleh beliau di dalam kitab al-Risalah h. 39 yang dinukilkan oleh K.H. Siradjuddin Abbas, *Sejarah Keagungan Madzhab Syafi'i*, Jakarta: Pustaka Tarbiyah, h. 155. seperti berikut:

ليس لاحد ابدا ان يقول في شيء حل ولا حرم الا من جهة العلم، وجهة العلم الخبير في الكتاب والسنة والاجماع او القياس.

Yang bermaksud: "Tidak boleh seseorang itu selama-lamanya mengatakan hukum sesuatu perkara itu sama ada halal atau haram, kecuali melalui perantaraan ilmu pengetahuan. Dan ilmu pengetahuan itu ialah kenyataan daripada al-Quran, al-Hadith, al-Ijma' atau al-Qiyas."

Manakala sumber-sumber tambahan yang lain seperti al-istihsan, al-istishab begitu juga dengan al-'urf tidak diterima oleh al-Syafi'i sebagai sumber utama yang asasi. Namun, penolakan al-'urf di sisi al-Syafi'i hanya dalam konteks sumber utama semata-mata. selebihnya al-Syafi'i menerima kehadiran al-'urf sebagai rujukan hukum terhadap isu permasalahan yang berkaitan dengan masyarakat. Ia dapat dibuktikan dengan kedudukan beliau sebagai tokoh ulama terawal yang mempelopori penggunaan qawa'id al-fiqh dalam ilmu fiqh yang membicarakan tentang al-'urf dalam kaedah al-'Adah al-Muhakkamah yang disebut oleh Ridzuan Ahmad dalam buku Fiqh Imam Syafie, h. 170. Menurut K.H. Siradjuddin Abbas, dalam menerangkan dasar mazhab beliau, al-Imam al-Syafi'i telah menyebut:

الاصل قران وسنة فان لم يكن فقياس عليهما واذا اتصل الحديث عن رسول الله وصح الاسناد فهو سنة. والاجماع اكبر من الخبر المنفرد. والحديث على ظاهره واذا احتمل معاني فما اشبه منها ظاهره اولاهها، واذا تكافأت الاحاديث فاصحها اسنادا اولاهها، وليس المنقطع بشيء ماعدا منقطع ابن المسيب ولا يقاس اصل على اصل، ولا يقال للاصل لم وكيف؟ وانما يقال للفروع لم؟ فاذا صح قياسه على الاصل صح وقامت به حجة.

Yang bermaksud: " Yang menjadi asas utama atau pokok adalah al-quran dan al-Sunnah, Sekiranya kalau tidak ada di dalam al-Quran dan al-Sunnah, barulah diqiyaskan kepada keduanya. Kalau sebuah hadith dari Rasulullah sudah sahih sanadnya, maka itulah Sunnah. Ijma' lebih besar dari khabar secara perseorangan. Hadith-hadith itu memberi erti menurut lafaz zahirnya, tetapi kalau maksudnya banyak, maka yang dekat dengan makna zahir itulah yang paling utama diambil. Kalau bersamaan banyak hadith, maka sanad yang paling sahih itulah yang didahulukan. Hadith munqathi' (tidak sampai sanad kepada Nabi) tidak diterima, kecuali munqathi' yang dikatakan oleh sahabat Said Ibnul Musaiyab. Bahawa asal tidak diqiyaskan kepada asal. Asal tidak ditanya kenapa dan bagaimana. Tetapi ia boleh ditanya kepada persoalan furu'. Kalau sudah ada qiyas furu' kepada asal maka itu adalah suatu dalil dan hujah." Menurut beliau, secara kesimpulan maksud perkataan al-Syafi'i adalah seperti berikut:

- Sumber/dasar yang utama adalah al-Quran dan al-Hadith
- Kalau tidak berjumpa dalam al-Quran dan al-Hadith, barulah dipakai Qiyas.
- Sumber juga adalah al-Ijma' (kesepakatan ulama) dan kedudukannya lebih tinggi dari hadith ahad (Sanad yang satu).
- Hadith difahami menurut zahirnya, tetapi jika lafaz tersebut mempunyai banyak maksud, maka perlu diambil maksud yang paling dekat dengan makna lafaz.
- Kalau bertembung hadith-hadith yang serupa, maka lebih baik dipakai hadith yang paling sahih sanadnya.
- Hadith munqathi' tidak dipakai kecuali hadith yang diriwayatkan oleh Said ibn Musayyab.
- Asal sama asal tidak boleh diqiyaskan
- Asal (al-Quran dan al-Hadith) tidak boleh ditanya lagi kenapa dan bagaimana?
- Yang boleh ditanya kenapa dan bagaimana adalah soal furu'
- Qiyas kalau sudah benar, maka itu hujah dan dalil yang sah.

⁵⁵⁷ Mohd Fariz Abdul Razak, Eksekutif Penyelidikan Syariah, Lembaga Zakat Selangor (MAIS), Temu bual 20 Jun 2013.

konteks pelbagai yang sukar dijangka, malahan tidak pernah pupus atau berhenti sejak dari dahulu lagi. Melalui kajian ini, pengkaji tidak mempertikai segala keputusan fatwa yang pernah dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Negeri atau Panel Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan.⁵⁵⁸ Walau bagaimanapun, pengkaji hanya ini menyarankan supaya kadar *'urf* tersebut disemak kembali dengan teliti supaya wujud satu kadar yang boleh diterima oleh semua pihak berasaskan kepada objektif syariah dan prinsip-prinsip kepentingan umum.

Pada hakikatnya, isu perbezaan kadar *'urf* suatu masa dahulu telah dipandang sepi oleh masyarakat kerana menganggap ia adalah satu isu yang terpencil, dan kewajipan zakatnya pula bergantung kepada keadaan tertentu yang tidak melibatkan semua lapisan masyarakat. Pada ketika itu, kesedaran untuk mengeluarkan zakat emas perhiasan di kalangan kaum hawa juga berkurangan kerana tidak memperolehi maklumat yang jelas tentang perihalnya, dan juga kurang mendapat liputan dari media massa untuk meningkatkan kesedaran tersebut. Keadaan ekonomi yang rendah pada ketika itu juga menyebabkan isu ini sering dilupakan begitu sahaja. Hasilnya ramai yang beranggapan seakan-akan tidak ada zakat untuk emas perhiasan. Walau bagaimanapun persepsi tersebut sudah mula berubah ekoran daripada perubahan masyarakat yang menyerlah ke arah keagamaan dan mula membuka mata sebahagian masyarakat untuk menilai dan mendalami isu-isu semasa tentang agama. Di samping itu, kempen dan usaha yang dibuat oleh institusi zakat juga membantu meningkatkan kesedaran dalam konteks ini. Keprihatinan yang ditunjukkan oleh masyarakat adalah merupakan pengiktirafan dan sokongan yang tidak berbelah bagi kepada organisasi-organisasi tersebut bagi mendaulatkan *syari 'atullah* dan menaikkan syiar Islam di Malaysia. Situasi ini secara tidak langsung memberi dorongan kepada pihak-pihak berkuasa agama

⁵⁵⁸Menurut akta, mempertikai fatwa yang dikeluarkan adalah menjadi suatu kesalahan. Menurut Ahmad Hidayat Buang (2005), setiap negeri di Malaysia sudah mempunyai Undang-Undang Kesalahan Jenayah Syariah. Menjadi kesalahan kepada orang Islam di dalam negeri memberi, mengembang atau menyebarkan pendapat berupa fatwa untuk diikuti oleh orang lain yang berlawanan dengan fatwa yang dikeluarkan secara sah. Hukuman kesalahan ini berbeza mengikut negeri, di mana Kedah, Kelantan, Perlis dan Terengganu menetapkan denda maksimum RM5000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun. Negeri-negeri yang menetapkan denda dan penjara kurang dari kadar dan had tersebut. Ahmad Hidayat Buang (2005), *Ke Arah Penyelarasan Fatwa: Masalah, Kemungkinan dan Cara Penyelesaiannya*, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Kertas kerja Seminar Pengurusan Fatwa Peringkat Asean, Hotel Nikko, Kuala Lumpur.

untuk lebih giat dalam usaha menyebarkan dakwah kepada masyarakat dan memberikan kefahaman yang jelas kepada mereka terhadap kepelbagaian persoalan dalam Islam.

5.2.1 Penemuan Kajian

Fungsi utama kajian ini ialah untuk menyingkap dan mengkaji penjelasan hukum tentang konsep penentuan *'urf* menurut perspektif Islam yang berkaitan dengan zakat emas perhiasan. *'Urf* adalah merupakan satu formula yang dicipta oleh ulama-ulama silam sebagai mekanisme bagi mendapatkan solusi kepada sebarang permasalahan hukum bersifat semasa. Formula yang disusun oleh ulama ini mengambil kira semua aspek secara menyeluruh dengan menitik-beratkan soal keadilan dan kemaslahatan kepada masyarakat dalam urusan yang bersangkutan paut dengan rukun Islam yang lima. Konsep ini juga digunakan bagi menetapkan hukum kepada permasalahan-permasalahan yang termuat di dalam bab-bab muamalat, bab-bab munakahat, bab-bab jenayat dan sebagainya, yang ada kaitan dengan *'urf* atau budaya masyarakat. Fokus utama yang diberi perhatian oleh ulama terhadap kaedah-kaedah yang dihasilkan, adalah menjaga kepentingan agama dan masyarakat demi kelangsungan hidup di dunia dan akhirat. Realiti yang terdapat dalam kandungan al-Quran yang *ditatbiqkan* (dipraktiskan) oleh Sunnah Rasulullah SAW adalah bukti bahawa Islam tidak pernah menyusahkan umatnya dengan sesuatu yang luar dari kemampuan manusia. Semua jawapan tentang persoalan kehidupan ada di dalam kedua-duanya sama ada secara *direct* yang sudah sempurna, atau *indirect* yang dijelaskan secara umum yang menuntut ijtihad serta pengamatan para ulama bagi membongkar rahsia yang terdapat di dalamnya. Hubungan rapat antara keduanya adalah kekal selama-lamanya dan tidak boleh dipisahkan sementelahan al-Quran diibaratkan seperti *matan* dan al-Sunnah pula adalah sebagai huraianya. LZS (MAIS) dan PZM mengamalkan prinsip *'urf* secara umum sebagai sumber hukum terhadap persoalan ini. Sekalipun tidak dinyatakan secara konsisten faktor-faktor *'urf* yang digunakan, namun faktor utama, iaitu budaya pemakaian emas telah diambil kira oleh kedua-duanya dalam menetapkan kadar *'urf* di kedua-dua buah negeri. Dari sudut tugas dan

bidang kuasa zakat pula, penjelasan yang diperolehi adalah agak teratur dan tersusun dengan kemas, begitu juga dalam aspek prosedur pengeluaran fatwa yang dilihat begitu sistematik dari sudut perlaksanaannya sama ada di peringkat negeri mahupun kebangsaan. Walau bagaimanapun terdapat kelemahan-kelemahan dari sudut-sudut lain yang harus diperbaiki demi memantapkan sistem pengurusan yang sudah lama terbina. Disebabkan tanpa kajian mantap yang terperinci dibuat secara menyeluruh, maka metodologi yang digunakan sebagai mekanisme penetapan hukum *'urf* dilihat mempunyai pelbagai penafsiran sehingga memberi implikasi kepada perbezaan kadar yang ketara. Ini adalah analisa yang dibuat oleh pengkaji bagi memenuhi objektif kajian. Di samping itu, perlu juga diambil perhatian bahawa hak membayar zakat bagi kategori emas perhiasan adalah dikhaskan secara eksklusif untuk para wanita sahaja dengan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan iaitu mengikut kadar *'urf* yang ditetapkan di negeri masing-masing. Semua para wanita berhak mendapatkan kelebihan ini selagimana tidak melanggar syarat-syarat yang telah dinyatakan sebelum ini. Justeru berdasarkan kenyataan ini, maka golongan lelaki adalah tidak layak sama sekali untuk mendapatkan hak eksklusif tersebut sepertimana yang dinikmati oleh golongan wanita walaupun memiliki emas dari jenis yang sama. Kaum lelaki dalam apa jua keadaan perlu merujuk pembayaran zakat mengikut emas simpanan dalam kadar nisab yang tetap iaitu 85 gram berat emas mengikut amalan di Malaysia.

LZS (MAIS) dan PZM telah memperkenalkan satu kadar *'urf* yang berbeza antara satu sama lain menggunakan metode yang tersendiri. Selain boleh menyukarkan masyarakat untuk memahaminya, ia juga mengusarkan pihak kakitangan yang menguruskannya ketika diajukan pertanyaan tentang punca perbezaan ketara tersebut. Situasi ini perlu disedari dan dibuat perubahan segera demi kepentingan masyarakat. Perbezaan *'urf* yang ketara berdasarkan faktor yang dinilai, menyebabkan perlu ada usaha penyeragaman bukan sahaja khusus untuk negeri Selangor dan Melaka tetapi juga melibatkan negeri-negeri lain di semenanjung dan Sabah Sarawak. Terdapat banyak faktor yang perlu diambil kira oleh pihak bertanggungjawab sebelum bersandar kepada kadar yang ingin ditetapkan.

Dalam usaha untuk mengimbangi antara kepentingan agama dan masyarakat, mana-mana kepentingan organisasi khususnya yang melibatkan faktor ekonomi dan keuntungan perlu diketepikan. Begitu juga dengan aspek kemaslahatan umum. Sekalipun ia perlu diberi ruang sebelum proses penetapan hukum dilakukan, namun ia juga tidak boleh mendominasi sesuatu isu kecuali perlu diseimbangkan dengan aspek-aspek lain. Kesimpulannya, huraian agama yang jelas dengan mengambil kira semua aspek secara keseluruhan perlu diutamakan supaya masyarakat tidak sangsi terhadap sebarang bentuk pandangan yang berkepentingan. Kadar *'urf* yang telah ditetapkan oleh kedua-dua buah negeri kelihatan bertembung dan tidak seimbang antara satu sama lain, dan secara tidak langsung boleh memberi impak negatif kepada perkembangan institusi zakat di Malaysia. Penulis mencadangkan pelan strategik perubahan sebagai saranan bagi mencapai objektif keempat dan terakhir bagi kajian ini.

5.3 SARANAN

Melalui medium ini, menggunakan sebaik mungkin ruang yang tersedia bagi mengemukakan saranan terhadap kajian yang telah dibuat, maka pengkaji ingin mengesyorkan kepada semua pihak yang bertanggungjawab khususnya pihak-pihak berkuasa agama seperti Majlis Agama Islam Negeri, Institusi Zakat Negeri, Jabatan Mufti Negeri dan juga organisasi-organisasi agama di peringkat kebangsaan, beberapa saranan penambahbaikan yang diperolehi hasil dari kajian yang dibuat tentang *'urf* sebagai mekanisme penentuan zakat emas perhiasan di Selangor dan Melaka. Isu tentang kajian ini sebenarnya adalah penting diambil perhatian sewajarnya oleh pelbagai pihak dan tidak boleh dipandang remeh oleh pihak-pihak yang menguruskannya. Tanpa kajian atau penyelidikan yang menyeluruh, tidak mungkin permasalahan ini boleh diselesaikan dengan mudah. Organisasi yang mengendalikannya perlu berusaha keras membuat kajian dan memberikan penerangan serta penjelasan yang konkrit supaya kefahaman masyarakat tentang fiqh zakat terus meningkat. Di samping itu juga, Masyarakat perlu memainkan peranan dan tidak boleh berdiam diri menyerahkan segalanya kepada pihak berwajib. Keprihatinan masyarakat dan

respon yang disalurkan kepada institusi-institusi berkenaan dapat memastikan ibadah zakat yang dilakukan saban tahun dapat diamalkan dengan yakin dan sempurna tanpa sebarang keraguan. Antara saranan-saranan yang ingin dicadangkan oleh pengkaji berdasarkan kajian yang telah dibuat adalah seperti berikut:

5.3.1 Keseragaman Dan Persamaan

Kesefahaman adalah merupakan suatu kesatuan yang tercetuh hasil dari penyatuan hati, pemikiran dan tindakan segolongan manusia, atau suatu golongan dengan suatu golongan yang lain ke arah mencapai matlamat dan objektif yang telah digariskan. Ia amat ditekankan oleh Islam bagi menjamin kesejahteraan dan keharmonian hidup masyarakat Islam di seluruh dunia. Kesefahaman yang ditekankan dan dimaksudkan di sini adalah kesefahaman dalam hal-hal yang ada hubung kait dengan keseragaman dan persamaan. Keseragaman adalah nota terpenting yang perlu diambil perhatian oleh agensi-agensi agama, dengan membuat penilaian kepada sudut-sudut tertentu yang mempunyai kesan yang tidak baik sama ada terhadap masyarakat atau organisasi sendiri. Keseragaman atau persamaan hukum antara sesama organisasi zakat dapat menaikkan reputasi syarikat dan meningkatkan keyakinan rakyat untuk terus menunaikan tanggungjawab mengeluarkan zakat kepada institusi zakat yang bertauliah berbanding mengeluarkannya dengan agihan secara sendiri. Kadar *'urf* yang diperkenalkan secara berbeza-beza oleh institusi zakat dan fatwa di negeri masing-masing, selain boleh mengelirukan masyarakat ia juga boleh mengelirukan kakitangan sendiri, sekaligus menyukarkan mereka yang bertugas untuk memberikan jawapan bernas ketika disoal oleh pelanggan. Ini bermakna, konsep penentuan *'urf* perlu dikemaskan dan dimantapkan agar dapat memberikan natijah yang baik sesuai dengan matlamat pelaksanaannya. Oleh itu, Perbincangan rasmi tentang persoalan ini perlu segera diadakan supaya keseragaman dapat dicapai bukan sahaja melibatkan kadar, tetapi juga kepada hal-hal lain yang melibatkan proses tapisan, penilaian dan pertimbangan-pertimbangan lain yang kelihatan agak samar dan perlu dimurnikan.

Tidak dinafikan prosedur pengeluaran fatwa di semua negeri adalah agak sama dan selaras melalui proses dan peruntukan undang-undang yang telah dibincangkan sebelum ini. Namun, kadar *'urf* yang ternyata berbeza antara negeri-negeri hasil dari kaedah penilaian yang dilaksanakan tersebut menyebabkan mekanisme yang digunakan boleh diragui dan perlu dibuat pemeriksaan. Keraguan yang dimaksudkan oleh penulis bukanlah berkaitan dengan isu ketelusan dan sebagainya, tetapi ia lebih kepada kelemahan dari segi penggunaan kaedah dan sumber hukum yang kelihatan tidak mantap. Banyak aspek yang perlu diselaraskan bagi mendapatkan keseragaman dalam penetapan hukum sekalipun mungkin berbeza kadar yang ditetapkan. Kesan dari proses penilaian dan kaedah yang seragam dapat membuahkan satu kadar yang mungkin senada dan itu lebih baik, atau mungkin juga berlainan dan itu tidak menjadi masalah, kerana hujah dan justifikasi yang digunakan adalah jelas sehingga mampu menghasilkan hukum dalam jurang perbezaan yang terkawal. Justeru, bagi merealisasikan hasrat murni ini, semua prosedur melibatkan proses *istinbat* hukum perlu dibuat semakan semula dan diperkemaskan mengikut mekanisme yang lebih bersistematik. Prosedur ini perlu dijadikan standard bukan sahaja di peringkat negeri malah dipanjangkan ke peringkat kebangsaan. Jika dihitung dari sudut timbangan gram, maka jurang perbezaan *'urf* dilihat agak kecil berbanding jika ditukarkan timbangan gram tersebut kepada harga semasa. Jika 1 gram bersamaan dengan RM134.88⁵⁵⁹, maka perbezaan kadar *'urf* 600 gram antara Selangor dan Melaka adalah melibatkan perbezaan kadar sebanyak RM80,000.00 (Lapan Puluh Ribu Ringgit). Dengan kiraan terperinci, Jika kadar *'urf* emas perhiasan di Melaka adalah sebanyak 200 gram, maka setelah ditukar kepada nilai matawang (1 gram = RM134.88) akan menjadi RM26,976.00 (Ringgit Malaysia: Dua Puluh Ribu, Sembilan Ratus Tujuh Puluh Enam). Manakalan *'urf* di Selangor sebanyak 800 gram jika ditukar kepada nilai matawang pula akan menjadi RM107,904.00 (Ringgit Malaysia: Seratus Tujuh Ribu, Sembilan Ratus Empat). Ia merupakan satu perbezaan yang sungguh ketara yang perlu difikirkan. Dalam konteks kajian, isu yang diketengahkan oleh pengkaji

⁵⁵⁹ Lembaga Zakat Selangor (MAIS), harga emas pada tahun 2014.

dilihat sebagai isu agama bersifat nasional yang perlu disatukan, atau sekurang-kurangnya kadar tersebut didekatkan atas nama sebuah negara yang satu, ditambah lagi dengan budaya serta pertuturan bahasa yang sama. Keseragaman dari sudut agama seumpama ini juga dapat menonjolkan imej yang baik untuk agama, bangsa dan negara di mata dunia.

5.3.2 Pembinaan Hubungan & Jalinan Kerjasama Strategik

Dalam bidang pengurusan, Islam amat mementingkan kerjasama antara satu pihak dengan satu pihak yang lain. Kerjasama yang dianjurkan oleh Islam adalah atas dasar kebaikan dan kemaslahatan umat.⁵⁶⁰ Allah SWT berfirman:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ
الْعِقَابِ ﴿٢﴾

“Bertolong bantulah kamu di dalam kebaikan dan ketaqwaan, dan janganlah kamu bertolong bantu kepada urusan dosa dan permusuhan.”

Surah al-Maidah (5): 2

Hubungan berbentuk dalaman bagi sesebuah organisasi diklasifikasikan sebagai *human relations*, manakala hubungan bersifat luaran pula dipanggil sebagai *public relation*. Kedua-dua konteks ini perlu dibina dan diperkembangkan bagi mencapai matlamat organisasi.⁵⁶¹ Menentukan hukum berdasar *urf* tidak semudah disangka, ia perlukan kepada kefahaman yang mendalam terhadap budaya sesebuah masyarakat di samping ilmu yang tinggi dari sudut hukum bagi menghasilkan kajian yang tepat. Kedua-duanya perlu dikuasai oleh golongan-golongan pembuat dasar supaya berhukum selari dengan kehendak agama. Dalam erti kata lain, hukum tidak boleh diputuskan oleh seseorang jika dia belum benar-benar memahami kedua-dua ilmu tersebut. Walaupun situasinya sebegitu, Islam tidak pernah menolak sebarang bentuk alternatif yang baik kepada agama. Dalam isu ini, andai kedua-dua kepakaran tersebut tidak dapat dimiliki dan dikuasai oleh seseorang individu atau kelompok

⁵⁶⁰ Allah SWT telah berfirman di dalam surah al-‘Asr (103) : 1-3 yang bermaksud : *“Demi masa, sesungguhnya manusia itu di dalam kerugian kecuali orang-orang yang bertolong bantu dalam urusan kebenaran dan bertolong bantu dalam kesabaran.”*

⁵⁶¹ Sondang P. Siagian (1981), *Falsafah Pentadbiran Dan Pengurusan*, KL: Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, h. 91.

tertentu, maka Islam memberi saranan dan jalan keluar pada situasi ini di mana kerjasama antara satu kepakaran dengan kepakaran yang lain boleh digabungkan. Kerjasama seumpama ini amat digalakkan di sisi agama kerana dapat berkongsi maklumat yang tepat dan meluas bagi menetapkan hukum yang bakal ditentukan. Gabungan antara kepakaran agama dengan kepakaran bidang-bidang teknikal yang lain adalah merupakan satu kemestian yang diperlukan setiap kali hendak menentukan hukum yang ada kaitan dengan bidang tersebut. Tanpa campur tangan pihak-pihak berkenaan tidak mungkin persoalan tentang hukum tersebut dapat diselesaikan dengan sempurna. Kerjasama yang diharapkan perlu diwujudkan terlebih dahulu antara sesama Institusi-Institusi Zakat Negeri dan Jabatan-Jabatan Mufti Negeri, dan seterusnya disusuli pula dengan agensi-agensi yang lain di peringkat yang lebih tinggi. Fungsi dan peranan yang di mainkan oleh Institusi Zakat yang dilantik, bukan hanya sekadar memfokuskan kepada kutipan atau agihan semata-mata, tetapi ia perlu menjangkau kepada tanggungjawab lain yang lebih besar. Dana 1/8 yang diberikan oleh Majlis Agama Islam Negeri kepada Pusat Zakat (Berdasarkan kutipan yang diperolehi) selain digunakan untuk menampung kos operasi, ia juga perlu digunakan untuk merancang dengan lebih giat pelbagai aktiviti dakwah bagi memupuk kesedaran dan meningkatkan kefahaman di kalangan masyarakat. Majlis juga memainkan peranan membantu Pusat Zakat untuk menjalankan tugas dengan lebih progresif iaitu dengan menyediakan segala manual-manual rasmi yang standard sebagai rujukan kepada umum.

5.3.3 Kepentingan Ummah dan Maklum Balas Masyarakat.

Dalam menangani isu kajian, campur tangan dari pihak responden menggunakan landasan yang betul adalah penting kepada organisasi. Tugas masyarakat dalam isu ini ialah memberi maklum balas kepada pihak bertanggungjawab tentang kekeliruan yang timbul terhadap hukum yang telah diputuskan. Pelbagai cara yang positif boleh digunakan untuk menyatakan kekeliruan tersebut. Isu yang dimainkan oleh masyarakat berpotensi secara tidak langsung untuk menarik minat pihak bertanggungjawab bagi menstandardisekan dan

mentransformasikan semula konsep penentuan *'urf* mengikut tuntutan semasa, iaitu sepertimana yang telah disarankan oleh Rasulullah saw secara umum menerusi hadith-hadith Baginda.

Apabila membicarakan perihal zakat, kita tidak boleh terlepas daripada mengaitkannya dengan *siyasah syar'iyah*, kerana zakat adalah merupakan salah satu bahagian daripada persoalan kenegaraan. Kebanyakan persoalan tentang kenegaraan dibincangkan oleh ulama menerusi ilmu *siyasah syar'iyah*. Oleh yang demikian, dari sudut kenegaraan, Islam secara prinsipnya terlalu meraikan hak seseorang manusia yang tidak boleh dirampas oleh sesiapa. Ini dapat dilihat daripada isi yang terkandung di dalam Piagam Madinah yang merupakan perlembagaan bertulis pertama di dunia yang meletakkan asas-asas yang membentuk masyarakat majmuk di Madinah.⁵⁶²

Adalah menjadi kesalahan dan perlu dielakkan, sekiranya sesuatu hukum yang ditentukan oleh pihak berkuasa agama, melihat kepada aspek keuntungan dan penjanaan ekonomi organisasi berkenaan secara dominan tanpa mengimbangnya dengan soal-soal yang lain terhadap hukum zakat. Apatah lagi pendapatan negara Islam pada zaman Rasulullah SAW dan para sahabatnya tidak bergantung kepada zakat semata-mata, tetapi meliputi *kharaj* (cukai tanah), *jizyah* (cukai kepala), *ghanimah* (harta rampasan), *al-'ushur* (cukai sepuluh peratus) termasuklah sumber derma, wasiat yang ditadbir di bawah satu institusi yang dipanggil baitulmal dan sebagainya.⁵⁶³

5.3.4 Peranan Media Massa

Menyampaikan sesuatu yang baik adalah merupakan satu dakwah dan tanggungjawab semua insan bergelar manusia.⁵⁶⁴ Pelbagai cara boleh digunakan untuk menyalurkan maklumat dan menyampaikan mesej-mesej tertentu kepada masyarakat. Penyampaian maklumat bukan sahaja berlaku dengan hanya memberi ceramah di khalayak ramai melalui lisan, malah ia

⁵⁶² Abdul Monir Yaacob (1986), *Hak Asasi Manusia Menurut Islam : Sejarah dan Konsepnya*, Bangi: Penerbit UKM.

⁵⁶³ *Ibid.*, h. 31

⁵⁶⁴ Telah bersabda Nabi saw *بلغوا عني ولو آية* "Sampaikan dariku walau sepotong ayat"

meliputi pelbagai pendekatan yang boleh digunakan. Media cetak dan elektronik seperti surat khabar, majalah, tv, radio, internet dan sebagainya adalah antara elemen yang boleh digunakan untuk menyampaikan maklumat.⁵⁶⁵ Menurut kajian, media massa dianggap sebagai sumber maklumat utama bagi masyarakat Malaysia pada hari ini. Terdapat lebih daripada 80 peratus pelajar sekolah rendah menggunakan media dalam proses pembelajaran mereka, manakala 60 peratus daripada orang dewasa menggunakan media sebagai cara untuk memilih pemimpin. Media juga merupakan sumber maklumat pelbagai sektor yang paling dipercayai oleh masyarakat.⁵⁶⁶ Menurut Kamus Dewan sepertimana yang dinukilkan oleh Mokhtar Muhammad dan lain-lain, definisi media massa adalah diertikan sebagai alat perhubungan yang dapat menyampaikan maklumat kepada orang ramai dalam masa yang singkat.⁵⁶⁷ Dalam konteks kajian, media massa sangat berperanan dalam mendidik masyarakat tentang pengetahuan hukum-hakam agama menerusi penyampaian informasi berbentuk Islamik, dengan menggunakan pelbagai pendekatan yang boleh diterima oleh masyarakat. Media boleh menyediakan pelbagai platform yang boleh dimanfaatkan oleh masyarakat melalui pengisian-pengisian rohani yang disampaikan melalui pelbagai slot dan ruang bicara agama sama ada melalui media elektronik atau media cetak yang amat berperanan pada masa kini.

5.4 PENUTUP

Segala peraturan dan perintah yang disyariatkan oleh Allah SWT sama ada secara muktamad atau *ijtihadi*, adalah bebas daripada sebarang bentuk penindasan terhadap hamba-hambaNya. Setiap permasalahan baru yang timbul di kalangan masyarakat pasti ada penyelesaian yang bijaksana di sisi Islam. Malah, penyelesaian yang dianjurkan oleh Islam adalah menyeluruh dan sungguh berkesan berdasarkan prinsip-prinsip asas yang terkandung di dalam *maqasid*

⁵⁶⁵ Majalah at Taqwa, isu 6, 2013. h. 52.

⁵⁶⁶ Mokhtar Muhammad, Abdullah @ Kassim Mohamad, Darusalam Abu Bakar, Jamaludin Abdul Rashid, Haliza Hasan (1998), *Teknologi Komunikasi dan Proses Pembentukan Masyarakat Bermaklumat: Satu Analisis Semula Peranan Media Elektronik di Malaysia*, UiTM, h. 2-4

⁵⁶⁷ *Ibid.* h. 2-8

syar'iyah dengan menjaga kepentingan umum setelah mengambil berat pandangan nas. Inilah bukti bahawa Islam adalah sebaik-baik agama kepada manusia. Rasulullah SAW tidak meninggalkan sebarang harta kepada umatNya. Namun, Baginda telah meninggalkan khazanah ilmu yang lebih bernilai daripada harta benda tersebut iaitu al-Quran dan al-Sunnah, di mana dari keduanya pula terbina ijtihad sebagai sumber hukum tambahan. Keunikan mekanisme yang digunakan oleh ijtihad sebagai teras dalam pembinaan hukum dalam Islam yang tidak mengandungi nas khusus, telah meletakkan agama Islam ke suatu tempat yang tinggi dan unggul kerana terbukti keberkesanannya terhadap pelbagai situasi masyarakat yang meruncing. Natiujahnya transformasi hukum sentiasa berlaku secara automatik seiring dengan peredaran zaman tanpa perlu dirisaukan. Walau bagaimanapun keperluan tenaga dari sudut kepakaran selok-belok agama perlu dipersiapkan dan ditambah bagi memenuhi permintaan pada masa akan datang terhadap pakar-pakar rujuk dalam penetapan hukum yang realistik. Oleh yang demikian, sumbangan kajian ini akan lebih menyerlah dan memberi manfaat kepada ummah sekiranya semua pihak yang terlibat dalam menguruskan persoalan hukum ini dapat menerima cadangan daripada penulis bagi menyemak kembali dan menilai semula kadar *'urf* yang telah ditetapkan sebagai asas kepada keseragaman terhadap isu-isu yang lain.